

366 CERITA DARI AL-QURAN DAN HADIS. Penyusun: Moulvi Al-Hafiz S.A. Seyed Ibrahim Al-Bukhari M.A ; Editor Kumpulan: Nur Syafiqah Yusoff, Zulkifli Barkatullah, Haslinda Hasim. 2016. ISBN 978-967-0880-34-1. 205 halaman.

Buku bertajuk “366 Cerita dari al-Quran dan Hadis” ini adalah hasil susunan Moulvi al-Hafiz S.A Seyed Ibrahim al-Bukhari. Buku ini telah memenangi Anugerah Buku Negara bagi kategori Judul Terlaris pada tahun 2016 yang mana penjualan buku ini sehingga tahun 2024 telah melebihi 170,000 naskah.

Buku ini mengetengahkan pendekatan yang inovatif menerusi konsep "Satu Hari Satu Cerita", yang merangkumi koleksi komprehensif sebanyak 366 naratif yang distruktur secara sistematik. Karya ini direka khusus untuk memenuhi keperluan kanak-kanak, sama ada melalui pembacaan kendiri atau sebagai medium interaksi antara ibu bapa dan anak dalam konteks pembelajaran informal. Signifikannya, setiap naratif yang diketengahkan adalah bersumberkan rujukan primer dalam tradisi Islam, iaitu al-Quran dan Hadis, yang menjamin kesahihan kandungannya. Pendekatan naratif yang digunakan ini bukan sahaja memudahkan pemahaman nilai-nilai Islam dalam kalangan kanak-kanak (al-Nadwi, 2001; Nasir & Mat Teh, 2023) tetapi turut memperkuuh hubungan antara generasi melalui aktiviti bercerita yang interaktif. Metodologi penyampaian yang terancang ini menyumbang kepada pembentukan asas kefahtaman agama yang kukuh dalam konteks pembelajaran seumur hidup (Abdullah, 2020).

Kandungan buku ini merangkumi naratif komprehensif yang melibatkan 25 Rasul pilihan Allah SWT serta memuatkan pelbagai kisah signifikan seperti *Ashab al-Kahfi*, Jalut dan Thalut, kaum yang tidak beriman kepada Allah SWT penciptaan alam semesta, kisah syaitan dan banyak lagi. Selain itu penulisan pada setiap cerita di dalam buku ini turut diletakkan sumber rujukan ayat al-Quran dan hadis, maka ia akan memudahkan para pembaca terutamanya ibu bapa untuk membuat rujukan sebenar daripada sumber asal ayat al-Quran maupun hadis.

Kisah-kisah yang telah dipilih sebagai bahan bacaan selama 366 hari buat kanak-kanak adalah untuk memupuk nilai-nilai keimanan secara tidak langsung ke dalam jiwa kanak-kanak seperti kisah para nabi dan penciptaan alam semesta. Selain itu kisah-kisah umat terdahulu akan menyemai tarbiah keimanan dan akhlak yang disukai oleh Allah SWT dan perlu dicontohi. Tarbiah mental turut diterap ke dalam minda kanak-kanak melalui akibat yang diperoleh apabila melanggar suruhan dan tidak beriman kepada Allah SWT. Kesemua kisah-kisah berunsur Islam ini akan memupuk nilai-nilai murni di dalam jiwa kanak-kanak dan akan membangunkan peribadi mulia (Gilang et al., 2017) membangunkan jati diri (Mohd Firdaus & Normaliza, 2014; Saidin, 2011) dan mendidik kanak-kanak ke arah yang lebih baik (Nasir & Mat Teh, 2023; Nik Muhammad Affendi & Awang Pawi, 2017) sejajar dengan kehendak Islam.

Struktur naratif buku ini disusun secara kronologi dan sistematik, bermula dengan perbincangan tentang penciptaan alam semesta, diikuti dengan kisah Nabi Adam a.s. sebagai Rasul pertama yang dilantik oleh Allah SWT, dan berakhir dengan peristiwa pengebumian Nabi Muhammad SAW. Pengstrukturan kandungan yang diadaptasi daripada format kalender Gregorian dengan pembahagian dua belas bulan, bermula dari Januari hingga Disember, di mana setiap bulan mengandungi naratif harian yang bersesuaian dengan jumlah hari dalam kalender tersebut (30 atau 31 hari). Metodologi penyusunan yang unik ini memudahkan pemantauan dan pengesahan progres pembacaan, terutamanya bagi kanak-kanak dan ibu bapa

dalam memastikan kesinambungan proses pembelajaran. Pendekatan kronologi ini bukan sahaja membantu pembaca memahami urutan sejarah para rasul secara sistematik, tetapi turut mewujudkan kerangka pembelajaran berstruktur yang memudahkan proses pengekalan maklumat dan pemahaman secara holistik. Ini kerana kanak-kanak berumur dua tujuh tahun hingga sembilan tahun sudah mampu untuk membaca buku yang mengandungi beberapa bab mudah dan mampu menyambungnya di masa yang lain (Mohamed Isa, 2009).

Gaya persembahan buku ini sangat berkualiti dan ekslusif. Buku ini menampilkan dua belas warna yang berlainan mengikut perbezaan bulan, diletakkan tarikh pada setiap cerita, dihiasi dengan ilustrasi ringkas yang berwarna di dalam buku ini, maka ia menjadi nilai tambah dalam usaha menarik minat kanak-kanak untuk membaca bahan-bahan penulisan berunsurkan Islam yang bersumberkan al-Quran dan Hadis (Masrom, 2013; Nasir & Mat Teh, 2023; Ramly & Masnan, 2023).

Bermula 01 Januari, 366 Cerita dari al-Quran dan Hadis telah dimulai dengan kisah penciptaan alam semesta yang mengajak kanak-kanak berfikir mengenai kewujudannya dan diteruskan pada 02 Januari dengan kisah Allah SWT yang maha berkuasa telah mencipta langit dan bumi. Pada 03 Januari kisah buku ini diteruskan dengan penciptaan Nabi Adam a.s. sebagai makhluk pertama yang diciptakan oleh Allah SWT. Kisah Nabi Adam a.s. diteruskan dengan kisah penciptaan Hawa, kisah kedegilan syaitan, kehidupan Nabi Adam a.s. di dalam syurga, anak-anak Nabi Adam a.s., pembunuhan dan pengebumian pertama di dunia sehingga 18 Januari. Kesemua cerita ini Allah SWT telah ceritakan di dalam surah al-Baqarah dan diolah semula menjadi cerita ringkas. Buku ini memulakan siri baharu pada 19 Januari dengan pengenalan kepada kisah Nabi Idris a.s.

Siri kronologi naratif kisah para rasul diteruskan dengan kisah Nabi Nuh a.s. dari 22 Januari hingga 10 Februari, yang merangkumi pelbagai peristiwa signifikan termasuk pembinaan bahtera, penentangan kaumnya terhadap seruan tauhid, peristiwa banjir besar, dan tragedi keingkaran anaknya. Naratif ini disambung dengan kisah Nabi Hud a.s. bermula 11 Februari, yang memfokuskan kepada interaksi baginda dengan kaum Ad dan kesudahan mereka yang menerima azab Allah SWT dalam bentuk ribut taufan ekstrem selama lapan hari tujuh malam dan kemenangan bagi orang-orang yang beriman. Seterusnya, pada 22 Februari, naratif beralih kepada kisah Nabi Salih a.s. dan perjuangan dakwahnya terhadap kaum Thamud sepanjang 120 tahun. Turut diceritakan di dalam kisah Nabi Salih a.s. ini ialah mukzijat yang diberikan Allah SWT iaitu seekor unta betina yang mampu memberikan susu yang mencukupi sehingga membuatkan ramai dari kaum Thamud beriman kepada Allah SWT. Diakhiri kisah Nabi Salih a.s. ini dengan kehancuran kaum Thamud dan rancangan mereka untuk membunuh Nabi Salih a.s. pada 02 Mac.

Kisah Nabi Ibrahim a.s. bermula pada tanggal 03 Mac. Penceritaan tersebut dimulakan dengan kelahiran Nabi Ibrahim a.s., kisah baginda a.s. dengan berhala, rancangan membunuh Nabi Ibrahim a.s. Nabi Ibrahim a.s. dibakar dan sikap orang-orang yang beriman terhadap dakwah Nabi Ibrahim a.s. untuk menyembah Allah SWT. Turut diceritakan di dalam buku ini kisah kedua isteri Nabi Ibrahim a.s. iaitu Sarah dan Hajar seterusnya kelahiran Nabi Ismail a.s. Kisah pengorbanan Nabi Ismail a.s. diteruskan bersama bapanya Nabi Ibrahim a.s. yang sangat patuh dengan perintah Allah SWT untuk disembelih dan pembinaan semula Kaabah.

Kisah Nabi Luth a.s. yang bermula pada 08 April menceritakan hubungan baginda dengan Kaum Sodom dalam usaha memperbaiki tingkah laku dan moral mereka. Penekanan diberikan kepada usaha dakwah baginda a.s. dalam menyelesaikan masalah moral yang serius, di mana kaumnya terlibat dalam perlakuan hubungan sejenis. Kisah ini berakhir dengan peristiwa kehancuran Kaum Sodom yang menerima azab Allah SWT, sebagai akibat daripada penolakan mereka terhadap perubahan moral dan kerohanian yang diajarkan oleh baginda a.s. Penceritaan ini menunjukkan kepentingan nilai-nilai moral dalam masyarakat melalui sejarah dakwah para rasul, sambil menerangkan hubungan antara ajaran kebenaran dan tindak balas masyarakat terhadapnya.

Seterusnya kisah 366 cerita dari al-Quran dan Hadis diteruskan dengan kisah Nabi Yusuf a.s. bermula 15 April. Kisah Nabi Yusuf a.s. bermula dengan cerita mimpi Nabi Yusuf a.s., Nabi Yusuf a.s. dibuang ke dalam telaga oleh saudaranya, kesedihan Nabi Yaakub a.s., Nabi Yusuf a.s. telah dibuang ke dalam sebuah telaga oleh saudara kandung baginda sendiri, kemudiannya dijumpai oleh para peniaga di dalam sebuah telaga dan Nabi Yusuf a.s. akhirnya di jual dipasar. Selain itu kisah Nabi Yusuf a.s. yang telah difitnah dan dipenjarakan, kehebatan baginda a.s. dalam mentafsir mimpi sehingga baginda a.s. diangkat menjadi seorang menteri di Mesir dan bertemu semula dengan semua saudara dan ayahnya Nabi Yaakub a.s. Kisah Nabi Yusuf a.s. ini sama dengan kisah yang diceritakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran di dalam Surah Yusuf.

Cerita dan kisah Nabi Ayub a.s. disampaikan dari 24 Mei hingga 31 Mei berfokus kepada ketabahan dan kekuatan iman baginda a.s. dalam menghadapi ujian Allah SWT yang berturut-turut. Sebagaimana yang dicatatkan dalam surah al-Anbiya, kisah ini menggambarkan bagaimana baginda a.s. menghadapi siri cabaran yang berat, termasuk kehilangan harta kekayaan, kematian anak-anak, dan penderitaan akibat penyakit yang sangat serius. Walaupun diuji dengan pelbagai musibah ini, keimanan Nabi Ayub a.s. kepada Allah SWT tetap teguh dan tidak pernah goyah. Kisah ini menjadi teladan penting tentang kesabaran dan ketabahan dalam menghadapi ujian kehidupan, sambil membuktikan keutuhan dan keteguhan hubungan antara seorang hamba dengan Penciptanya.

Bermula 01 Jun diceritakan Nabi Yunus a.s. dan dakwah baginda di kampung Ninawa. Turut diceritakan di dalam buku ini kisah Nabi Yunus a.s. yang telah ditelan oleh ikan paus serta pengampunan Allah SWT kepada Nabi Yunus a.s. dan taubat kaumnya setelah ditimpah azab yang pelik. Seterusnya kisah Nabi Musa a.s. disambung bermula 10 Jun sehingga tanggal 17 Ogos. Kisah Nabi Musa a.s. sangat panjang seperti mana panjangnya ia diceritakan di dalam al-Quran. Bermula dengan penceritaan kelahiran Nabi Musa a.s. di dalam surah al-Qasas, baginda dihanyutkan di dalam sungai, disusukan semula oleh ibu baginda, sehingga Nabi Musa a.s. meningkat remaja dan meninggalkan Negara Mesir dan permulaan baginda dilantik menjadi nabi Allah SWT. Seterusnya turut diceritakan kisah Nabi Musa a.s. dan Firaun di dalam surah al-Syu'ara, al-A'raf, dan Surah Yunus. Semua dakwah baginda bersama Nabi Harun a.s. kepada Firaun, ahli sihir, laut merah terbelah dan kematian Firaun turut diceritakan. Selain itu kisah Nabi Musa a.s. dan Nabi Khidir a.s. mencari ilmu yang Allah SWT telah ceritakan di dalam surah al-Kahfi turut dimuatkan di dalam buku ini.

Bermula 18 Ogos kisah buku ini disambung dengan Kisah Nabi Ilyas a.s. diikuti kisah Nabi Samwil a.s. dan tentera Talut serta kehebatan dan kemenangan Nabi Daud a.s. menentang tentera Jalut sehingga baginda dilantik menjadi seorang raja. Seterusnya pada 13 September diceritakan pula kisah Nabi Sulaiman a.s. Mukjizat dan kisah Nabi Sulaiman a.s. telah

disebutkan oleh Allah SWT di dalam surah al-Naml. Turut diceritakan kehebatan dan mukjizat yang Allah SWT berikan kepada Nabi Sulaiman a.s. yang boleh berbicara dengan haiwan seperti semut, burung dan jin serta dakwah baginda kepada Ratu Balqis.

Bermula 01 Oktober diceritakan kisah Nabi Shia a.s. yang telah diutuskan oleh Allah SWT sebelum Nabi Zakaria a.s. kisah Nabi Aramaya a.s. dengan Bani Israil dan kisah Nabi Uzair a.s. Pada 25 Oktober telah diceritakan kisah Nabi Zakaria a.s. bersama Maryam yang telah diadaptasi dari surah Maryam dan surah Ali Imran. Selain itu, turut diselitkan di dalam kisah ini cerita mengenai anak Nabi Zakaria a.s. iaitu Nabi Yahya a.s. Setelah itu, kisah Maryam diteruskan dengan kisah Nabi Zakaria a.s. sebagai penjaga Maryam sehingga kelahiran Nabi Isa a.s. Kisah Nabi Isa a.s. terus dilanjutkan sehingga baginda diangkat menjadi seorang nabi dan dakwah baginda kepada orang-orang Yahudi dan rancangan Yahudi untuk membunuh Nabi Isa a.s. sehingga baginda a.s. diangkat kelangit.

Kisah Nabi Muhammad SAW merupakan kisah terakhir di dalam buku ini bermula 25 November yang dimulakan dengan penceritaan secara berkaitan hari kelahiran, keturunan dan perihal baginda menjadi yatim semenjak kecil. Di dalam kisah bulan Disember penceritaan memfokuskan kepada penceritaan ketika Nabi Muhammad SAW menerima wahyu yang pertama daripada Allah SWT serta peranan Saidatina Khadijah r.a. dalam dakwah baginda SAW. Kisah ini telah diambil daripada Surah al-Alaq' dan juga hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari. Seterusnya kisah dakwah baginda SAW diteruskan dengan seksaan yang dihadapi oleh baginda SAW dan umat Islam oleh kaum Quraisy, penghijrahan baginda SAW dan umat Islam ke Habsyah, dakwah baginda SAW di Taif, rancangan kaum Quraisy untuk membunuh baginda SAW dan beberapa siri peperangan yang disertai oleh baginda SAW sepanjang hayat. Kewafatan dan pengebumian baginda SAW telah diceritakan pada tarikh 31 Disember. Kisah ini merupakan penutup kepada Siri buku 366 Cerita dari al-Quran dan Hadis.

Kesimpulannya buku 366 Cerita dari al-Quran dan Hadis adalah salah satu bahan bacaan yang boleh dimanfaatkan oleh kanak-kanak dan ibu bapa dalam mendidik kanak-kanak masa kini mengikut acuan yang dikehendaki oleh Islam. Namun begitu beberapa penambahbaikan boleh dilakukan di dalam buku ini, diantaranya tidak memasukkan kisah nabi-nabi yang kurang dikenali seperti kisah Nabi Samwil a.s., Nabi Shia a.s., Nabi Aramaya a.s. dan Nabi Uzair a.s. dan hanya memfokuskan kepada kisah 25 Rasul sahaja.

Selain itu turut dicadangkan kepada penerbit buku agar mempertingkatkan kualiti khususnya teknik penulisan serta cara pengolahan cerita agar lebih menarik dan lebih menjiwai teknik penceritaan mengikut usia kanak-kanak. Ini kerana melalui tenik penulisan yang benar-benar hidup di dalam sesebuah karya akan menarik minat kanak-kanak untuk membaca sebuah karya berulang kali kerana ia adalah nadi kepada sebuah penulisan (Ahmad Ishak, 2004; Busu, 2003; Mohamed Isa, 2009), malah penerapan unsur emosi di dalam penulisan buku kanak-kanak juga perlu dipertingkatkan kerana kajian Sujud et al. (2014); Arumugan (2022) menjelaskan bahawa bahan bacaan kanak-kanak mestilah bahan yang dapat merangsang emosi dan perasaan agar perkembangan emosi kanak-kanak seiring dan seimbang dengan perkembangan jasmani, rohani, intelektual dan sosial.

Selanjutnya, penerbit juga dicadangkan agar menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh kanak-kanak. Ini kerana hasil penelitian mendapati terdapat ayat yang agak sukar untuk difahami seperti petikan dibawah:

Terdapat beberapa tradisi yang berasal daripada Nabi Aramaya AS. Ibn

‘Asakir ada memberitahu bahawa terdapat skrol yang menceritakan....

(06 Oktober m/s 159)

Seterusnya melalui analisis yang dilakukan, di dalam buku 366 Cerita dari al-Quran dan Hadis ini, terdapat 351 cerita yang diambil daripada al-Quran dan tafsiran al-Quran iaitu Tafsir Ibn Kathir dan hanya 15 sahaja cerita sahaja yang di ambil daripada hadis Nabawi. Di antara kisah yang menjadi rujukan hadis ialah 12 cerita dari kitab *Sahih al-Bukhari*, 1 cerita dari kitab *Sahih Muslim* dan 2 cerita dari kitab *Jami’ al-Tirmidhi*. Seperti yang diketahui, selain daripada al-Quran, melalui hadis Rasullullah SAW terdapat banyak pengatahan, pengajaran dan didikan yang boleh diterapkan kepada kanak-kanak (Almuddin et al., 2016; Suhid & Che Abah, 2021). Maka menjadi sebuah kerugian yang amat besar sekiranya sedikit sahaja penerapan hadis Rasullullah SAW yang diambil bagi penulisan yang bertemakan hadis untuk kanak-kanak.

Sejajar dengan perbincangan ini maka dicadangkan agar semua buku yang bakal diterbitkan oleh penerbit Darul Mugni Trading agar melakukan semakkan terlebih dahulu oleh pakar bidang yang berkaitan. Ini kerana kajian Abu Hassan et al. (2023) menjelaskan bahawa penulisan hadis kanak-kanak yang kini mendapat tempat di pasaran kebanyakannya tidak disemak oleh pakar bidang, malah sebahagian kandungannya tidak sesuai dengan umur kanak-kanak.

Walaubagaimanapun, penjualan buku ini yang telah melebihi 170,000 judul menunjukkan betapa pentingnya penulisan bahan bacaan kanak-kanak dan permintaan yang tinggi daripada ibu bapa masa kini. Bahan bacaan yang berkualiti memainkan peranan penting sebagai agen pembentuk peribadi seorang kanak-kanak. Menurut Imam al-Ghazali, pembentukan peribadi kanak-kanak memerlukan pengukuhan intelektual dan kekuatan fizikal. Justeru, kanak-kanak perlu didedahkan dengan bahan bacaan yang mengandungi unsur-unsur positif seperti kisah tokoh-tokoh Islam, cerita dari al-Quran, dan hadis yang memaparkan nilai-nilai murni yang boleh dijadikan teladan (Suhid & Che Abah, 2021). Justeru pembangunan penulisan hadis yang sesuai untuk kanak-kanak perlu dibangunkan dan diyatkan kerana di dalam hadis Nabawi terdapat banyak kisah dan pengajaran yang boleh dijadikan penulisan dan kisah dalam mendidik anak-anak.

Siti Mursyidah Mohd Zin dan Farhah Zaidar Mohamed Ramli

Pensyarah Jabatan al-Quran dan al-Sunnah

Universiti Islam Selangor

Rujukan

- Abdullah, S. M. (2020). *Nilai-Nilai Murni Menurut Abi Al-Hasan Ali Al-Hasni al-Nadwi dalam Kitab Sirah Khatamun al-Nabiyyin lil Atfal*. [Tesis Ijazah Doktor Falsafah]. Universiti Sains Malaysia (USM).
- Abu Hassan, M. I., Abdul Rahman, S. H., & Mohamed, S. H. (2023). Analisa Terhadap Buku Modul Hadis Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Pasaran. *Journal of Hadith Studies*, 8(2 (SI)), 1–16.
- Ahmad Ishak, M. S. (2004). Pembangunan Buku Kanak-Kanak dan Remaja:Analisis Umum Peraduan dan Anugerah Sastera di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6(1), 97–107.

- Almuddin, M. H., Jamil, A. I., & Sa'ari, C. Z. (2016). Amalan Pendidikan Kanak-Kanak Dalam Islam. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*, 1(Special), 1–10.
- al-Nadwi, A. H. A. al-H. (2001). *Qasas al-Nabiyyin li al-Atfal* (al-Tibaah al-Awal). Muasasah al-Risalah.
- Arumugan, K. (2022). Buku Kanak-Kanak: Suatu Analisis Unsur Estetika. In K. Kamarudin (Ed.), *Teori dan Kritikan Sastera Penilaian dan Wacana* (1st ed., pp. 75–95). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Busu, F. (2003). *Memupuk Bakat dan Minat Penulisan Kreatif: Teori dan Proses*. PTS Publication.
- Gilang, L., Sihombing, R. M., & Sari, N. (2017). Kesesuaian Konteks dan Ilustrasi Pada Buku Bergambar Untuk Mendidik Karakter Anak Usia Dini. *Jurnal Pendidikan Karakter*, 8(2). <https://doi.org/10.21831/jpk.v7i2.15799>
- Masrom, M. (2013). *Pembangunan Akhlak : Satu Analisis Berdasarkan Model Pembangunan Akhlak Al-Ghazali Terhadap Genre Cerita Adaptasi Binatang Dalam Al-Qur'an*. [Tesis Ijazah Doktor Falsafah]. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Mohamed Isa, Z. (2009). Pemilihan Buku Bacaan Bahasa Melayu yang Sesuai Untuk Kanak-Kanak di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bitara*, UPSI, 2(1), 41–52.
- Mohd Firdaus, C. Y., & Normaliza, A. R. (2014). Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-kanak Melalui Nilai Murni. *Journal of Business and Social Development*, 2(2).
- Nasir, M. S., & Mat Teh, K. S. (2023). Pendekatan Dakwah Untuk Kanak-Kanak Menerusi Qasas Al-Nabiyyin Menurut Abu Al-Hasan 'Ali Al-Nadwi. *International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 3(2), 1–21.
- Nik Muhammad Affendi, N. R., & Awang Pawi, A. A. (2017). Nilai Sosiobudaya Dalam Cerita Kanak-Kanak Pilihan. In S. Z. Ibrahim, Mat ZainAemy Elyani, S. Sharil, M. S. Salehudin, R. Abd Rahman, & A. N. Zainal Arifin (Eds.), *Kesepaduan Nilai-Nilai Sejagat Merentasi Globalisasi: Jilid 3*. Selangor International Islamic University College (KUIS).
- Ramly, N. A., & Masnan, A. H. (2023). Pembentukan Akhlak Kanak-kanak Berdasarkan Akhlak Nabi dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KPSK). *Journal of Social Sciences and Huminitiess*, 4(2), 41–50.
- Saidin, M. (2011). *Peranan Bahan Bacaan di Perpustakaan Negara Malaysia dalam Pembentukan Akhlak Kanak-kanak*. [Tesis Ijazah Sarjana Pengajian Islam]. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Suhid, A., & Che Abah, N. (2021). Pendidikan Awal Kanak-Kanak Menurut Prespektif Islam. *Jurnal Al-Ummah*, 3, 141–164.
- Sujud, A., Abdull Sedik, N. A., Nik Muhamad Affendi, N. R., & Gaisun, I. Z. (2014). Ekspresi Emosi Melalui Bahan Bacaan Sastera Kanak-Kanak. *Jurnal Melayu*, 13, 72–84.

Siti Mursyidah Mohd Zin dan Dr Farhah Zaidar Mohamed Ramli

Pensyarah Jabatan al-Quran dan al-Sunnah

Universiti Islam Selangor